


Jawab semua soalan di bawah

21. Rajah menunjukkan penutup botol jem yang sukar untuk dibuka. Apakah cara yang terbaik untuk membuka penutup tersebut?



- A. Rendam penutup di dalam air yang berisi ais
- B. Rendam penutup itu di dalam air panas
- C. Rendam botol itu ke dalam air panas
- D. Rendam botol itu ke dalam air sejuk

22. Apakah fungsi penggolek yang dipasang pada salah satu hujung jambatan logam?



- A. Mengelakkan jambatan daripada melentur apabila mengembang pada hari panas dan mengecut pada hari sejuk
- B. Membolehkan jambatan dikeluarkan untuk dibaiki jika rosak
- C. Mengurangkan geseran terhadap sebarang pergerakan jambatan
- D. Memperkuat jambatan supaya tidak runtuh atau retak


23. Apakah yang dimaksudkan dengan suhu?

- A. Perubahan keadaan bahan akibat tindakan haba
- B. Pertambahan saiz bahan akibat pertambahan haba
- C. Pertambahan suhu bahan akibat pertambahan haba
- D. Ukuran darjah kepanasan sesuatu bahan

24. Maklumat berikut merupakan langkah-langkah membuat bacaan pada termometer. Susun langkah-langkah tersebut mengikut urutan yang betul.

P	Masukkan termometer ke dalam air
Q	Baca bacaan suhu
R	Pegang batang termometer secara menegak
S	Laraskan kedudukan mata pada meniskus merkuri

- A. P, R, Q, S
B. R, P, S, Q
C. P, R, S, Q
D. R, Q, P, S
25. Objek manakah yang akan berkarat ?
- A. Tin biskut
B. Bekas plastik
C. Surat khabar
D. Gelang getah
26. Pemerhatian manakah yang betul tentang objek yang berkarat?
- A. Objek berkarat adalah kuat
B. Objek berkarat tidak tahan lama
C. Objek berkarat kelihatan menarik
D. Objek berkarat tidak memudaratkan manusia
27. Rajah menunjukkan empat klip kertas yang diletakkan di dalam empat tabung uji yang berlainan. Klip kertas manakah yang akan berkarat selepas seminggu




- A. P
- B. Q
- C. R
- D. S

28. Berikut adalah langkah mencegah pengkaratan kecuali:


- A. menyapu objek dengan minyak atau gris.
- B. menyalut objek dengan lapisan bahan tahan karat.
- C. merendam dengan air panas
- D. menyadur objek dengan lapisan logam tahan karat.

29. Rajah menunjukkan tiga keadaan jirim. Apakah contoh Z?




- A. air mineral
- B. sos tomato
- C. wap air
- D. pemadam getah

30. Rajah menunjukkan kitaran air. Proses yang mewakili P dan Q ialah




	P	Q
A	Peleburan	Penyejatan
B	Kondensasi	Penyejatan
C	Penyejatan	Peleburan
D	Penyejatan	Kondensasi

31. Rajah menunjukkan satu aktiviti yang dijalankan untuk mengenalpasti sifat pepejal. Didapati guli tidak berubah bentuk. Apakah sifat pepejal dalam penyiasatan di atas?



- A. Pepejal mempunyai isipadu tetap
- B. Pepejal mempunyai bentuk tetap
- C. Pepejal mempunyai jisim
- D. Pepejal memenuhi ruang

32. Apakah proses yang diwakili oleh P dan Q?




	P	Q
A	Penyejatan	Pembekuan
B	Pendidihan	Kondensasi
C	Pembekuan	Peleburan
D	Peleburan	Pembekuan

33. Berapakah tempoh masa satu putaran bumi pada paksinya?

- A. 1 jam
- B. 1 hari
- C. 1 bulan
- D. 1 tahun

34. Apakah fasa Bulan yang boleh mewakili kedudukan Y?



- A. Anak bulan
- B. Bulan sabit
- C. Bulan separa
- D. Bulan purnama

35. Kita hanya dapat melihat permukaan bulan yang sama sepanjang masa. Mengapa?

- A. Kerana bulan beredar mengelilingi matahari
- B. Kerana putaran bulan pada paksinya
- C. Kerana bulan mengambil masa selama $27 \frac{1}{3}$ hari untuk mengelilingi bumi
- D. Kerana tempoh putaran bulan & peredaran bulan mengelilingi bumi adalah sama

36. Pada suatu malam Dhiya dapat memerhatikan bulan seperti mana yang ditunjukkan dalam rajah di bawah. Ramalkan fasa bulan yang dapat dilihat oleh Dhiya 15 hari selepas itu?




- A. Anak bulan
- B. Bulan sabit
- C. Bulan separa
- D. Bulan hampir purnama

37. Rajah menunjukkan sebuah kereta mainan. Mesin ringkas manakah yang terdapat dalam kereta mainan itu?




Rajah 1/Diagram 1

- A. Roda dan gandar dan baji
 - B. Roda dan gandar dan gear
 - C. Gear dan takal
 - D. Gear dan baji
38. Rajah menunjukkan sebuah kren. Apakah mesin ringkas pada bahagian X?




Rajah 2/Diagram 2

- A. Tuas
 - B. Takal
 - C. Gear
 - D. Satah condong
39. Rajah 3 menunjukkan alat yang digunakan untuk mengasah pensil.



Rajah 3/Diagram 3

Alat manakah yang boleh digunakan untuk mengasah pensil yang sama dengan dengan lebih cepat dan selamat?



40. Rajah menunjukkan penggunaan mesin ringkas pada suatu alat.



Rajah 4/Diagram 4

Alat yang manakah menggunakan prinsip yang sama seperti alat itu ?

- A. Pili air
- B. Penyapu
- C. Kereta sorong
- D. Gergaji